

MSWG

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

15 July 2016

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Penurunan kadar dasar semalaman (OPR) merupakan langkah Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menangani isu perkembangan global yang kurang menentu. Kami berpendapat ia mungkin juga bertujuan mengurangkan faktor risiko yang boleh timbul daripada perkembangan global semasa seperti Brexit dan ekonomi China yang kurang memberangsangkan.

Kebimbangan yang sama telah menyebabkan bank-bank meramal penurunan kadar faedah dan keperluan rizab berkanun untuk menangani tekanan pertumbuhan yang menyaksikan penyusutan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi empat suku tahun berturut-turut.

Tidak dinafikan, kejutan luaran kepada industri utama seperti komoditi dan tenaga sedikit sebanyak menyumbang kepada masalah yang dihadapi oleh kaunter minyak dan gas yang menghadapi keadaan persekitaran yang tertekan. Seseengah syarikat berdepan dengan petisyen penggulungan daripada pemiutang dan merupakan situasi yang sukar bagi pihak yang terlibat. Namun ia boleh memberi kesan positif dalam jangka panjang kerana ia memberi laluan keluar kepada syarikat yang kurang kukuh, kurang berdaya tahan dan kurang pengawalan dan boleh diambilalih oleh pihak yang berkemampuan.

Dalam hal yang berasingan, kami ingin memberitahu bahawa Malaysia akan menjadi tuan rumah untuk persidangan International Corporate Governance Network (ICGN) tahun depan, yang dianjurkan bersama oleh KWAP dan MSWG pada 12 hingga 14 Julai 2017. ICGN merupakan sebuah organisasi pimpinan pelabur dan misinya adalah untuk menggalakkan standard tadbir urus korporat dan pengawasan pelabur yang berkesan, serta pelaburan yang mampan dan bertanggungjawab. Pelbagai topik berkaitan tadbir urus korporat akan dibincangkan oleh pemain industri dalam persidangan tersebut. Pihak berkenaan boleh mendapat manfaat daripada persidangan ini.

Rita

MAKLUMAT TERKINI PASARAN SAHAM

BANK NEGARA MALAYSIA (BNM): PERNYATAAN DASAR MONETARI

Pada mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) yang diadakan petang 13 Julai 2016, BNM memutuskan untuk mengurangkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) kepada 3.00 peratus. Pada masa yang sama, kadar tertinggi dan terendah bagi koridor OPR juga dikurangkan, masing-masing kepada 3.25 peratus dan 2.75 peratus.

Pelarasan terhadap OPR bertujuan memastikan tahap akomodatif monetari kekal konsisten dengan pendirian dasar bagi memastikan ekonomi dalam negara terus berada pada landasan pertumbuhan

yang mampan dalam keadaan inflasi yang stabil, disokong oleh pengantaraan kewangan yang kukuh dalam ekonomi. MPC akan terus memantau dan menilai keseimbangan risiko terhadap prospek pertumbuhan dan inflasi dalam negara.

[Sumber: Siaran media BNM di laman web BNM pada Julai 13, 2016]

KOMEN MSWG:

BNM mempunyai dua mandat dalam memastikan pertumbuhan ekonomi dan tekanan inflasi. Penurunan OPR buat kali pertama dalam tempoh 7 tahun ini memberikan penekanan terhadap pertumbuhan ekonomi dalam negara tanpa mewujudkan gelembung aset. Ini juga merupakan langkah berjaga-jaga terhadap kesan limpahan daripada Brexit dan kelembapan ekonomi China.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.